

Sajian Desa di Restoran Duyong

PASTI ramai yang tidak pernah merasa lauk yang berasaskan lidah lembu apatah lagi jika kurang arif memasak anggota haiwan itu.

Bagi mereka yang mahir mencuba hidangan itu, anda boleh menikmatinya pada bufet Ramadan di Restoran Duyong, Kelab darul Ehsan (KDE) di Ampang Jaya, Selangor.

Menurut chef Restoran Duyong, Mohd. Aznan Hamzah, 37, kaedah memasak hidangan lidah bakar sangat rumit dan mempunyai banyak peringkat.

"Rahsianya terletak pada ramuan yang terdiri daripada pelbagai rempah-ratus seperti lada hitam dan nanas," katanya sambil menambah buah nanas yang membuatkan lidah tersebut menjadi lembut.

Lidah yang terpilih diperap terlebih dulu bersama rempah-ratus. Selepas itu, lidah perlu direbus sehingga lembut sebelum dipanggang.

Beliau turut mencadangkan pengunjung merasai hidangan ikan terubuk asam pedas, ayam masak lemak rebung dan telur itik masak lemak cili api bersama belimbing buluh.

Kesemua hidangan itu merupakan identiti masakan kampung yang terdapat di Restoran Duyong dan disediakan pada bulan Ramadan.

Bertemakan *Sajian Desa*, Restoran Duyong menghidangkan kira-kira 100 pilihan

menu termasuk makanan kegemaran rakyat Malaysia dan masakan ala Cina seperti loh hon chai, udang har loh dan sotong goreng cili kacang gajus.

Air batu campur, agar-agar, buah-buah tempatan dan pencuci mulut seperti kuih-muih tradisional turut disajikan.

"Pihak kami juga ada menyediakan ruang untuk Bazar Ramadan yang terletak di laluan pintu masuk restoran. Jadi, orang ramai boleh membeli-belah sambil menunggu waktu berbuka puasa," kata Pengurus KDE, Tunku Masuri Jaafar.

nikmatnyaiftar!

■ Lokasi:

Restoran Duyong
Kelab Darul Ehsan,
Taman Tun Abdul Razak,
Jalan Kerja Air Lama,
Ampang Jaya 68000,
Selangor.

■ **Telefon:** 03-4251 1471 /
03-4257 2333/018-222 0041
(T. Rajan), 018-224 1831
(Arifin), 018-222 7236
(Hanita) dan 018-201
9182 (Maya)

■ **Masa:** 7 petang
hingga 10.30
malam

■ **Harga:** RM65
(dewasa), RM35
(kanak-kanak
berumur lima hingga
11 tahun).

■ **Promosi:** 22 hingga
17 Ogos 2012



SITI AISYAH MOHAMMAD

AYAM masak lemak rebung (kiri) dan juadah kegemaran penduduk Malaysia, sate (atas) dihidangkan sepanjang promosi bufet Ramadan di Restoran Duyong, KDE.